

03/03/1997

Semua pihak wajar atasi gejala sosial

Mohd Fairuz

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masalah moral yang semakin serius di kalangan remaja perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Masalah ini tidak boleh dipandang ringan. Ia membabitkan pertahanan negara dari segi akhlak, moral, budaya daripada virus budaya kuning. Masalah ini membawa banyak akibat. Mungkin antara sebabnya adalah kurangnya penekanan pelajaran agama dan sivik. Jika adapun tetapi penghayatannya kurang.

Waktu persekolahan dulu apabila waktu mata pelajaran sivik, guru lazimnya tidak hadir. Jika hadir pun waktu itu diisi dengan membuat aktiviti bebas kerana tidak ada peperiksaan mengenainya. Justeru, subjek sivik tidak ditekankan di sekolah. Akibatnya generasi yang dikeluarkan oleh sekolah tidak tahu sivik dan Rukun Negara.

Permasalahan moral sebenarnya bukanlah hanya berlaku di kalangan remaja, malah membabitkan dewasa. Buktinya saban hari kita dijamu oleh berita seperti 'haruan makan anak', golongan berumur melanggni pelacur dan pelbagai perlakuan maksiat.

Permasalahan moral perlu ditangani oleh semua pihak. Tanggungjawab mengatasi masalah ini bukan hanya terletak di bahu kerajaan tetapi perlukan gerakan menyeluruh oleh semua pihak.

Penguatkuasaan yang lebih wajar dikenakan terhadap premis hiburan berlesen yang melanggar peraturan.

Pengusaha ini hanya mementingkan keuntungan. Ia tidak perlu wujud dalam wawasan kita untuk mewujudkan masyarakat madani. Penguatkuasaan terhadap bahan terlarang perlu lebih efektif.

Bahan seperti majalah dan video lucu masih berleluasa.

Tambahan waktu untuk program agama juga dialu-alukan. Walaupun begitu pertambahan waktu itu perlu juga mengambil kira pendekatan dan waktu yang sesuai oleh semua pihak.

Jenis pendekatan yang dimaksudkan ialah bagaimana rancangan seperti itu boleh menarik perhatian golongan bermasalah. Jika rancangan itu masih di tahap konservatif dikhuatiri ia tidak mampu untuk menarik perhatian.

Kerjasama penerbit, pengarah drama dan filem serta penerbit majalah perlu menyelit unsur nasihat dan keagamaan dalam terbitan mereka.

Ini kerana remaja bermasalah amat tertarik kepada terbitan seperti itu. Majalah hiburan tidak perlu terikat kepada laporan artis dan konsert atau gambar artis yang memberahikan.

Majalah jenaka jangan hanya menyiarkan jenaka tanpa mesej. Di sinilah perlunya anjakan paradigma kepada semua pihak. Marilah kita mewujudkan majalah, filem atau drama mengikut acuan Malaysia.

Pihak berkuasa atau jabatan agama pula perlu mengadakan kerjasama dengan penerbit majalah, filem atau drama.

Mereka boleh mengadakan kursus untuk golongan ini bagi memberi cadangan, nasihat dan sebagai pakar rujuk.

Penerbit lagu pula wajar digalakkan mencipta lirik yang berunsur nasihat atau sekurang-kurangnya mengurangkan lirik berunsur cinta yang keterlaluan.

Saya amat tertarik dengan apa yang dilakukan oleh Kumpulan Raihan yang menekankan lagu nasyid yang kontemporari untuk menarik golongan remaja.

Pihak jabatan agama perlu memberi jawapan dalam persoalan ini.

Memang tiada keraguan bahawa Islam menyediakan penyelesaian bagi semua

masalah tetapi pihak ini perlu memberi cara penyelesaiannya bukan hanya melarang tanpa sebarang saranan.